

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]
minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

adakah Program Transformasi Kerajaan (GTP) ini mampu menghadapi 9 cabaran yang digariskan di dalam Wawasan 2020 iaitu negara yang bersatu, masyarakat berjiwa bebas, masyarakat demokratif, masyarakat bermoral dan beretika, masyarakat liberal dan bertolak ansur, masyarakat progresif dan saintifik, masyarakat penyayang, masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi serta masyarakat makmur.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dirangka adalah berdasarkan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. GTP menggariskan secara terperinci objektif, keputusan hasil dan tindakan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan petunjuk utama prestasi (KPI) kementerian ke arah pelaksanaan program pembangunan yang lebih efisien dan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih baik.

GTP telah menetapkan sasaran yang bertujuan memperkukuhkan lagi asas sosioekonomi Malaysia. Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diberi keutamaan untuk memastikan pelaksanaan komitmen tersebut yang merangkumi:

1. Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar
2. Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
3. Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
4. Mengurangkan Jenayah
5. Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
6. Menangani Kos Sara Hidup
7. Membanteras Rasuah

Strategi di bawah GTP termasuk memastikan penglibatan (*engagement*) rakyat dalam program yang dirancang, mendapatkan input daripada semua pihak yang berkepentingan dalam merangka dasar dan strategi

pembangunan serta mengoptimumkan sumber kerajaan dengan menggunakan pendekatan inovatif bagi mencapai pembangunan yang lebih inklusif.

GTP juga menggariskan strategi untuk mempertingkatkan kehidupan rakyat Malaysia merentas pelbagai lapisan masyarakat. Kerajaan yakin kerjasama yang wujud antara semua pihak dalam melaksanakan NKRA akan menjadikan Malaysia lebih maju, aman, saksama dan makmur serta membentuk masyarakat yang demokratik selaras dengan Wawasan 2020. GTP juga menyediakan pelan hala tuju dan inisiatif secara mampan dan inklusif bagi memastikan tiada siapa yang ketinggalan dalam usaha negara ke arah mencapai status berpendapatan tinggi. Ini adalah prinsip yang sangat penting bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Setelah 6 tahun pelaksanaan GTP, pelbagai hasil kejayaan dan limpahan manfaat dirasai secara keseluruhannya oleh rakyat. GTP telah berjaya menepati sasaran KPI yang telah ditetapkan pada setiap tahun sejak diperkenalkan, hasil usaha penyampaian awam yang meningkat dan produktif. Malahan, YAB Perdana Menteri juga telah melancarkan laporan tahunan NTP pada 26 April 2016 dan sekaligus berkongsi sorotan penting tentang kejayaan GTP.

Dalam kesalinghubungan dunia yang semakin meningkat, ETP telah dilancarkan pada tahun 2011 yang mana penting bagi Malaysia untuk membina ekonomi yang lebih kukuh dan berdaya tahan. Ini dilaksanakan melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA. ETP adalah

program ekonomi yang diukur berdasarkan tiga pencapaian sehingga menjelang tahun 2020, yakni:

Pertamanya, mencapai pendapatan per kapita rakyat sebanyak ASD15,000;

Keduanya, mewujudkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan; dan

Ketiganya, memperolehi ASD444 bilion nilai pelaburan menjelang 2020.

Antara penunjuk kejayaan ETP adalah peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dan isi rumah berpendapatan rendah, dalam usaha untuk memastikan mereka tidak ketinggalan menikmati pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 menunjukkan pendapatan bulanan purata isi rumah B40 telah meningkat pada kadar 12.0% berbanding isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20) yang meningkat sebanyak 7.5% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014.

Hasil usaha dan kejayaan serta cabaran GTP dan ETP boleh didapati di dalam laporan tahunan PEMANDU di laman sesawang <http://www.pemandu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN PM 22 (5)

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ALICE LAU KIONG
YIENG [LANANG]**

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Perdana Menteri menyatakan:

- a. kenapa ada pengundi dari Sarawak yang dapat mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 tetapi tidak dibenarkan mengundi pada Pilihan Raya Negeri Sarawak baru-baru ini disebabkan namanya tiada dalam Buku Pendaftaran Pengundi; dan
- b. kenapa banyak pengundi ditukar tempat mengundi mereka;

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih sepanjang tahun berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Antara urusan pengemaskinian daftar pemilih yang dilaksanakan oleh SPR adalah seperti berikut:

- (i) memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia; dan
- (ii) memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR akan mengemas kini maklumat-maklumat Daftar Pemilih Tambahan dan Daftar Pemilih Induk yang akan digunakan untuk penyediaan Daftar Pemilih Pilihan Raya bagi Pilihan Raya Umum/Pilihan Raya Kecil. Berhubung dengan perkara ini, pengemaskinian akan dibuat sehingga sehari sebelum tarikh pembubaran Parlimen/Dewan Undangan Negeri atau kekosongan kerusi Parlimen/Dewan Undangan Negeri.

Oleh itu, SPR sentiasa mengingatkan kepada pemilih-pemilih untuk membuat semakan daftar pemilih menjelang sesuatu Pilihan Raya Umum/Pilihan Raya Kecil. Sekiranya nama pemilih tersebut tiada, aduan boleh terus dibuat kepada SPR untuk tindakan lanjut.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa terbuka untuk membuat siasatan secara terperinci sekiranya mempunyai maklumat lanjut mengenai perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 MEI 2016
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN :-

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) punca kemalangan kereta yang termasuk dan terjatuh ke dalam lubang pembentungan yang sedang dalam pembinaan Syarikat Mangkubumi Sdn. Bhd. Di Jalan Universiti, Petaling Jaya pada 4 Mei 2016; dan
- (b) apakah langkah-langkah pencegahan supaya kejadian sedemikian tidak berulang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada laporan yang diterima oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) daripada pihak Perunding Pengurusan Projek, Indah Water Konsortium (IWK), kemalangan di KM 346 Jalan Universiti pada 3 Mei 2016 melibatkan sebuah kereta Toyota Vios telah jatuh terjunam ke dalam 'pit' MH 8-7-2, di mana 'pit' tersebut telah diletakkan benteng konkrit dan plastik (*concrete and plastic barrier*). Mangsa telah diselamatkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan telah dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk rawatan lanjut.

Pihak kontraktor juga dimaklumkan telah memberhentikan dengan serta-merta segala aktiviti di lokasi kejadian dan telah menutup 'pit' tersebut dengan menggunakan 'concrete slab'. Pihak kontraktor juga telah menyusun semula benteng (*barrier*), pita kecemasan (*caution tape*) dan meletakkan lampu *blinker* di lokasi kejadian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 148

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **Menteri Pengangkutan** memberi jaminan bahawa penggunaan drone (pesawat tanpa pemandu) dalam bidang bukan militer seperti pemantauan alam sekitar, fotografi udara dan riadah, tidak akan disekat sekiranya penerbangan tidak mencero bohi kawasan udara tercegah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) tidak pernah menyekat sebarang permohonan penggunaan kapal udara tanpa pemandu (*unmanned aircraft*) / drone dalam bidang bukan militer seperti pemantauan alam sekitar, fotografi udara dan riadah tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat teknikal dan keselamatan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 dan *Aeronautical Information Circular (AIC) 4/2008*.

NO. SOALAN:149

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9173 [Pertanyaan di bawah PM.22 (5)]

PERTANYAAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dari tahun mulanya hukuman gantung sampai mati sehingga 2016 :-

- a. bilangan pesalah yang telah digantung sampai mati mengikut pecahan negeri, kesalahan dan kaum (etnik); dan
- b. bilangan pesalah hukuman gantung sampai mati yang menunggu hukuman mengikut pecahan negeri, kesalahan dan kaum (etnik).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara menunjukkan:-

Bagi menjawab soalan (a), sejumlah 16 banduan telah menjalani hukuman mati dari tahun 2010 hingga 18 Mei 2016 kerana terlibat dengan pelbagai kesalahan iaitu seramai 1 bagi kesalahan mengedar dadah, 14 bagi kesalahan membunuh dan 1 kesalahan berkaitan senjatapi. Daripada jumlah tersebut seramai 14 banduan adalah warganegara Malaysia manakala seramai 2 banduan adalah warganegara asing; dan

Bagi menjawab soalan (b), statistik Jabatan Penjara pada 18 Mei 2016 menunjukkan terdapat seramai 1,041 banduan yang telah disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah kerana kesalahan berkaitan membunuh, pengedaran dadah, senjatapi dan penculikan. Hukuman mati terhadap mereka belum dilaksanakan lagi kerana masih dalam proses rayuan samada di mahkamah atau Lembaga Pengampunan Negeri. Daripada jumlah tersebut seramai 599 banduan adalah warganegara Malaysia. Manakala seramai 442 banduan adalah warganegara asing.